

Eksport Minyak Sawit Malaysia Dijangka Lepasi RM80.41 Bilion Dalam Tempoh 3-5 Tahun Lagi
Bernama
7 Februari, 2013

PETALING JAYA, 7 Feb (Bernama) -- Malaysia boleh mencatatkan satu lagi rekod angka eksport minyak sawit tinggi dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, mengatasi paras tertinggi RM80.41 bilion yang dicatatkan pada 2011.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komiditi, Datuk Hamzah Zainudin berkata peningkatan eksport dan ketersediaan biojisim minyak sawit dalam negara, serta kenaikan harga minyak sawit mentah (MSM), akan membolehkan Malaysia mencatatkan satu lagi tahun yang memecahkan rekod.

Tahun lepas, nilai eksport minyak sawit jatuh 11 peratus kepada RM71.5 bilion, disebabkan terutamanya kerana harga minyak sawit diseret turun oleh faktor-faktor yang di luar kawalan.

"Kami menyasar mengubah industri minyak sawit kita kerana ketika ini 80 peratus daripada eksport datang daripada minyak sawit, manakala baki dijana oleh biojisim.

"Kerajaan berhasrat meningkatkan sumbangan biojisim kepada sekurang-kurangnya 40 peratus dalam Tempoh tiga hingga lima tahun akan datang," kata Hamzah kepada pemberita selepas menyaksikan permeterian Memorandum Persefahaman antara KUB Agro Holdings Sdn Bhd dan Antero Capital Sdn Bhd, di sini, Khamis.

Beliau berkata peningkatan sumbangan daripada biojisim minyak sawit bukan sahaja akan meningkatkan bilangan eksport tetapi juga menjana pendapatan lebih baik bagi syarikat perladangan, menerusi arus perniagaan baharu.

"Kami mendapatkan khidmat syarikat penyelidikan dan pembangunan Korea yang telah menjalankan kaji selidik tentang penggunaan biojisim dalam industri perabot dan perkayuan, dan penemuan terbaharu menunjukkan bahawa ia sesuai dengan industri-industri ini.

"Langkah kami seterusnya adalah untuk berbincang dengan keseluruhan industri, terutamanya dua industri ini (perabot dan kayu) bagi menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan menggunakan komoditi ini," kata Hamzah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=926799>